



جِبَاتُ خَالِ الْاِخْوَالِ اَكَامرِ اِسْلَامِ كِتَابَةٍ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

02 REJAB 1443H / 04 FEBRUARI 2022M

### KUASA REVOLUSI INDUSTRI 4.0 MAJUKAN UMMAH

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 03/12/2021

PEGAWAI PENYEMAK : .....

ADAM BIN ABDUL HAJ  
Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 26/01/2022

DIBACA PADA : 04/02/2022

DILULUSKAN OLEH : .....

BAHARUDIN HJ. ALWI  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH PERTAMA**  
**KUASA REVOLUSI INDUSTRI 4.0 MAJUKAN UMMAH**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!**

Marilah kita bertaqwa kepada Allah dengan mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan semua yang dilarang-Nya. Sesungguhnya, Allah beserta orang yang bertaqwa, dan orang yang berusaha memperbaiki amalan dan keadaan hidupnya. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “**KUASA REVOLUSI INDUSTRI 4.0 MAJUKAN UMMAH**”.

**MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Naluri manusia yang normal sudah pasti mahukan kepada kemajuan atau pun perubahan yang lebih baik dari masa ke masa. Tiada manusia yang sempurna akal nya, mahu terus hidup dalam kemunduran, kelemahan dan hidup bergelumang dosa. Lebih-lebih lagi kita sebagai umat Islam yang dituntut untuk berhijrah dan berubah ke arah kehidupan yang lebih baik dan diredai Allah SWT demi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dan pastinya, bagi memenuhi tuntutan untuk meningkatkan taraf hidup atau berubah ke arah yang lebih baik, kita perlu mengorbankan rasa selesa berada pada tahap sedia ada. Seterusnya berusaha atau berhijrah melaksanakan transformasi dalam diri untuk menjadi insan mukmin yang lebih baik dan Berjaya berbanding masa-masa

sebelumnya. Kemahuan atau inisiatif untuk memperbaiki diri dari segala aspek bermula dari diri kita sendiri.

Hakikat ini tergarap dalam firman Allah SWT menerusi surah ar-Ra'd ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ... ﴿١١﴾

**Maksudnya:** “...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri...”.

Sehubungan itu saudara sekalian, adalah jelas bahawa Islam menganjurkan kita supaya berusaha memperbaiki dan memajukan diri, masyarakat dan negara sebagai upaya mencapai kecemerlangan dan membela agama Allah. Dengan hal yang demikian, umat Islam tidak berterusan dimomokkan sebagai umat yang lemah dan mundur. Dan, salah satu bidang yang perlu dikuasai oleh umat Islam di era ini untuk meraih kemajuan dan kejayaan ialah Revolusi Industri 4.0.

#### **PARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA!**

Revolusi Industri 4.0 ditandai dengan penemuan dan penggunaan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan cloud yang merancakkan kemajuan landskap dunia moden. Perkembangan ini merupakan kesinambungan daripada revolusi perindustrian pertama yang ditandai dengan pengenalan mesin berkuasa wap. Diikuti seterusnya dengan revolusi perindustrian kedua yang melibatkan penggunaan kuasa elektrik. Manakala revolusi perindustrian ketiga pula berasaskan teknologi maklumat dengan komputer sebagai tonggakunya.

Revolusi Industri 4.0 juga menandakan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi. Ia dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung. Natijahnya, kebergantungan terhadap sumber tenaga fizikal manusia dikurangkan yang secara tidak langsung akan mengubah masa depan dunia pekerjaan.

Ini bererti, jika cabaran teknologi baharu yang kompleks itu tidak diberi pendedahan dan penekanan sewajarnya, ia boleh menyebabkan kita ketinggalan dan gagal untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain dalam mengharungi arus kemajuan dan modenisasi. Untuk itu, bidang pendidikan dan latihan menjadi teras utama dalam menjana ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan bagi mempersiapkan generasi muda menempuh cabaran baharu Revolusi Industri 4.0 berkenaan.

Saidina Umar Al-Khattab mengatakan, “Didiklah anak-anak kamu itu berlainan dengan keadaan kamu sekarang kerana mereka telah dijadikan Tuhan untuk zaman yang bukan zaman kamu.”

Sehubungan dengan saranan Saidina Umar Al-Khattab tersebut, adalah perlu bagi kita memberikan didikan berkaitan disiplin ilmu dan kemahiran mutakhir kepada anak-anak bersesuaian dengan zaman mereka tanpa mengabaikan Pendidikan asas agama Islam yang mencakupi pengajian al-Quran, tauhid, ibadat, muammalat, jinayat dan sebagainya. Maka, bapa mahupun guru perlu berperanan memupuk serta merangsang minat anak-anak atau para pelajar hari ini untuk cakna terhadap subjek sains dan teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di samping pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Ini penting kerana penguasaan terhadap “STEM” dan “TVET” menjadi tunjang utama bagi mengupaya generasi hari ini memainkan peranan yang proaktif, kreatif, inovatif dan efektif menyumbang kepada perkembangan ekonomi global pada masa hadapan.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH!**

Usaha memaju dan mengangkat martabat umat Islam dikira suatu usaha membela agama dan negara. Sekiranya umat Islam maju dan kuat, ia secara tidak langsung dapat mengikis prasangka buruk terhadap Islam dan umatnya. Apabila umat Islam maju dan kuat, ia juga menggerunkan pihak musuh.

Seiringan itu, marilah kita sama-sama perkasakan golongan generasi muda Islam hari ini dengan menguasai ilmu dan kemahiran berkaitan dengan Industri 4.0 agar mampu berdaya saing membangun teknologi canggih dan bukan sekadar menjadi pengguna teknologi asing. Ini sebagai upaya kita memenuhi tuntutan mengangkat martabat umat dan negara Islam. Sesungguhnya Allah akan menolong kita untuk mencapai

kemenangan jika kita membela agama-Nya yang maha suci. Ini sejajar dengan firman Allah dalam surah Muhammad ayat 7:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (ugama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا  
كباوه دولي يغ مها موليا سري فدوك بكيندا يغ دفرتوان آخوغ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ  
الْأَعْلَى تِوَانِ يَغِ تِوَانِ يَغِ دَفَرَتِوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ  
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak berkuasa bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.